

Kecerdasan Emosi dan Kepuasan Kerja dikalangan Penjawat awam Perkhidmatan Awam Malaysia
(Emotional Intelligence and Job Satisfaction among Malaysian Public Service Civil Servants)

Azlan Seruji¹
Nurul-Azza Abdullah^{2*}

¹Jabatan Perkhidmatan Awam
²Centre of Human and Community Well Being
Universiti Kebangsaan Malaysia

*Corresponding e-mail: [nurulazza@ukm.edu.my]

This study aims to identify into the influence between emotional intelligence and achievement motivation towards job satisfaction among Public Service Psychology Officers. There are several research instruments that have been used to measure each of the variables in this study such as the Job Satisfaction Survey (JSS) created by Paul E. Spector (1985), Wong and Law Emotional Intelligence Scale (WLEIS) by Wong and Law (2002) and Cassidy and Lynn Achievement Motivation Scale (CLAMS) by Cassidy and Lynn (1989). Respondents of 196 Psychology and Assistant Psychology Officers from various backgrounds were involved in this study. The data obtained were analysed using Winsteps version 3.72.3 and Statistical Package For Social Science (SPSS) version 25 which involved internal consistency reliability analysis, descriptive statistical analysis and inferential statistical analysis. The findings of inferential analysis showed that there were no differences in job satisfaction, emotional intelligence and achievement motivation according to age, gender and duration of service while overall emotional intelligence has a significant relationship with job satisfaction. Analysis findings also found that the dimension of achievement motivation which is the work ethics has a significant relationships with job satisfaction. Meanwhile, emotional intelligence as a whole has a significant influence on job satisfaction. The dimension of emotional intelligence which is the self-emotional appraisal also have the significant influence towards job satisfaction. As for achievement motivation, only the dimension of work ethics do has a significant influence towards job satisfaction.

Keywords: emotional intelligence, job satisfaction, public employees

Kecerdasan emosi amat diperlukan bagi meningkatkan keberkesanan dalam pekerjaan, kreativiti, kemampuan berkomunikasi, mempamerkan keupayaan teknikal, mengawal emosi diri dan tekanan serta berjaya dalam kerjaya seseorang pekerja dalam organisasinya (Hyo dan Hye, Druskat dan Wolff, Cooper dan Sawaf) dalam Ishak Mad Shah, 2012. Bagi Ishak Mad Shah (2012) juga, kecerdasan emosi yang melibatkan intelektual dalam pengendalian emosi secara rasional dan bijaksana, adalah lebih baik sekiranya pekerja itu memiliki pengetahuan mengenai

kecerdasan emosi kerana ia boleh mengawal tekanan yang dialami dengan lebih baik. Menurut Rahim (2018) pula, keupayaan seseorang individu itu mengawal emosi, mengurus emosi, mengetahui emosi orang lain dan berhubungan dengan orang lain adalah relevan dan perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Selain itu, isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan modal insan ditangani oleh pegawai semakin hari semakin kompleks dengan pelbagai kerumitan dan halangan

selaras dengan kepesatan negara menuju ke arah negara maju. Gelagat penjawat awam juga turut memberi reaksi yang pelbagai dari semasa ke semasa dalam bentuk positif mahupun negatif. Misalannya, sejak kebelakangan ini, media massa banyak menyiarkan tentang masalah kesihatan mental yang dialami oleh rakyat Malaysia. Jesteru itu, perjawatan penjawat awam dan penjawat awam dilihat sebagai jawatan dalam perkhidmatan awam yang secara langsung terlibat dalam pembangunan modal insan negara. Mereka perlu memperkembangkan diri dengan pelbagai kompetensi dan keupayaan dalam berhadapan dengan cabaran dan rintangan yang semakin kompleks dari semasa ke semasa. Penjawat awam dan penjawat awam perlu memainkan peranan yang penting dalam memastikan profesion ini relevan dan diperlukan dalam perkhidmatan awam. Dalam hal ini, kecerdasan emosi perlu dipertingkatkan dalam memastikan kecemerlangan skim perkhidmatan psikologi.

Kecerdasan emosi yang tinggi amat perlu bagi menjamin penjawat awam dan penjawat awam dapat menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan terjamin mutunya kepada organisasi. Menurut O'Boyle *et al.*, (2011), kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dan saling mempengaruhi di antara satu sama lain. Menurut Mahdani (2017) pula, kecerdasan emosi sangat diperlukan dalam organisasi kerana ia dapat menyumbang kepada kepuasan kerja seseorang manakala menurut Behbahani (2011), terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara kecerdasan emosi dengan kesedaran sendiri, orientasi sendiri, empati dan kemahiran sosial terhadap kebolehan pekerja. Lantaran itu, kecerdasan emosi adalah sangat penting bagi profesion yang terlibat secara langsung dengan manusia dan memerlukan interaksi sosial yang tinggi. Ini kerana kepuasan kerja dan kecerdasan emosi adalah kunci peramal utama kepada tingkah laku pekerja dan ia

sesuatu yang sangat diutamakan oleh pekerja (Ghoreishi *et al.*) dalam Rahim, 2018.

Menurut Shea, 2002 (dalam Suhaya & Siti Zubaidah, 2016), secara keseluruhannya tahap kepuasan kerja dalam kalangan pekerja di Malaysia adalah menurun. Hasil kajian beliau mendapati bahawa sejak tahun 2000, sebanyak 50.5% daripada responden yang diambil mengatakan bahawa mereka berpuas hati. Tetapi tahap kepuasan kerja mereka mulai menurun apabila umur mereka mula mencecah 35-44 tahun. Terjadinya penurunan tahap kepuasan kerja ini berlaku akibat tahap peningkatan tekanan kerja seiring dengan tahap celik teknologi (Suhaya & Siti Zubaidah, 2016). Menurut Ibrahim (2018), pekerja yang memiliki kepuasan kerja yang rendah akan mewujudkan situasi yang rumit apabila mereka terus kekal berada di dalam sesebuah organisasi. Sebelum keadaan ini berlaku, kajian ini amat bertepatan bagi mengkaji tahap kepuasan kerja di kalangan Penjawat awam dan seterusnya melihat mekanisme terbaik bagi mengatasinya. Selain itu, menurut Chin, Syed Khalid Wafa & Hassan (2017), organisasi yang gagal dalam menangani isu berkaitan kepuasan kerja, bakal mengalami masalah di mana kakitangannya berpotensi untuk meninggalkan organisasi. Ini kerana, pihak majikan tidak menawarkan pakej pembangunan kerjaya yang baik buat pekerjanya.

Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka pengaruh kecerdasan emosi dan motivasi pencapaian terhadap kepuasan kerja penjawat awam. Di samping itu, kajian ini juga akan mengkaji tahap kepuasan kerja, kecerdasan emosi dan motivasi pencapaian serta melihat sejauh mana pengaruh dan hubungan kecerdasan emosi dan motivasi pencapaian boleh mempengaruhi kepuasan kerja Penjawat awam dan Penjawat awam Perkhidmatan Awam. Selain itu kajian ini juga akan melihat perbezaan antara tahap

kepuasan kerja, kecerdasan emosi dan motivasi pencapaian dengan aspek demografi seperti umur, jantina dan tempoh berkhidmat. Dalam pada itu, kajian ini ingin melihat sejauh manakah tahap kepuasan kerja, kecerdasan emosi dan motivasi pencapaian di kalangan Penjawat awam yang perjawatannya hampir berusia 3 dekad ini. Secara ringkasnya, bahagian ini telah membincangkan tentang konstruk-konstruk yang menjadi sebahagian permasalahan kajian iaitu kepuasan kerja, kecerdasan emosi dan motivasi pencapaian.

Kajian Literatur

Kecerdasan emosi terhadap kepuasan kerja

Sabri, Toton dan Shahabudin (2017) telah menggunakan 70 orang pensyarah Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM) di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai responden. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan di antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja di kalangan pensyarah FPM. Terdapat tiga pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini yang terdiri daripada mengenal emosi sendiri, mengawal emosi sendiri dan motivasi sendiri yang berdasarkan Model Kecerdasan Emosi Goleman. Hasil dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang positif di antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja. Mengawal emosi sendiri merupakan faktor yang paling dominan yang mempengaruhi kepuasan kerja sementara mengenal emosi sendiri merupakan faktor yang terendah dalam kalangan pensyarah FPM. Faktor yang terendah ini menggambarkan bahawa pensyarah FPM kurang memberi perhatian dalam mengenal emosi sendiri.

Lee (2017), telah menjalankan kajian di kalangan organisasi perkhidmatan awam yang bukan berasaskan keuntungan di sekitar bandar-bandar besar di Amerika Syarikat. Tujuan kajian ini adalah bagi mengkaji hubungan di antara dimensi

kecerdasan emosi dengan burnout dan kepuasan kerja. Seramai 167 kakitangan telah terlibat dalam kajian ini yang menggunakan kaedah Model Persamaan Struktur (SEM). Alat ujian yang terlibat dalam kajian ini pula terdiri daripada Wong and Law Emotional Intelligence Scale (WLEIS) bagi mengukur kecerdasan emosi dan Guy-Newman-Mastracci Emotional Labor Questionnaire (GNM) bagi mengukur burnout dan kepuasan kerja. Dapatan mendapati dimensi kecerdasan emosi iaitu peraturan emosi (emotional regulation) berhubung secara signifikan dan negatif dengan burnout manakala kesedaran diri berhubung secara signifikan dan positif dengan kepuasan kerja.

Li et al. (2018), menjalankan kajian hubungan di antara Model Kepelbagaian Prestasi Kerja Guru dengan kecerdasan emosi, kepuasan kerja dan amanah organisasi. 37 pengetua dan 881 guru sekolah rendah yang terdiri daripada 37 buah sekolah rendah di Daerah Hubei, China terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan beberapa alat ujian yang terdiri daripada Trait Emotional Intelligence Questionnaire-Short Form (TEIQue-SF; Petrides, 2009), Job Performance Scale (Motowildo dan Van Scotter, 1994), Job Satisfaction (Zhi-Yong dan Zhi Hong, 2012) dan The Organizational Trust Scale (Robinson, 1996; Romano, 2003). Keputusan kajian mendapati kepuasan kerja berhubung secara signifikan dan positif sebagai perantara di antara kecerdasan emosi dan prestasi kerja. Di samping itu, penemuan kajian juga mendapati kesan pengantaraan secara tidak langsung kecerdasan emosi guru terhadap prestasi kerja dengan kepuasan kerja sebagai mediator.

Wen, Huang dan Hou (2019), pula telah menjalankan kajian mengenai kesan kecerdasan emosi dan emotional labor (EL) terhadap kepuasan kerja sebagai model pengantaraan dan kesan kecerdasan emosi dan kepuasan kerja terhadap sokongan

organisasi sebagai pengantara. Dalam kajian ini kecerdasan emosi merupakan pembolehubah bebas manakala kepuasan kerja dan sokongan organisasi merupakan pembolehubah terikat. Emotional labour pula merupakan mediator dalam kajian ini. Alat ujian yang terlibat adalah Wong and Law Emotional Intelligence Scale (WLEIS), Emotional Labor Strategy Scale oleh Diefendorff et al. (2005), alat ujian oleh Cammann et al. (1983) bagi mengukur kepuasan kerja dan alat ujian oleh Eisenberger et al. (1986) bagi mengukur sokongan organisasi. Kajian ini melibatkan pekerja hotel di tujuh hotel bertaraf lima dan empat bintang di Guangzhou dan Shenzhen, China. Sebanyak 340 soal selidik diedarkan dan 314 telah dikembalikan. Namun begitu, hanya 279 soal selidik sahaja yang dianalisis bagi tujuan kajian ini. Emotional labor bukan mediator kepada kecerdasan emosi terhadap kepuasan kerja manakala sokongan organisasi turut tidak berperanan sebagai mediator di antara kecerdasan emosi dan kepuasan kerja.

Erny, Haslinda dan Zatul (2017) pula telah mengkaji hubungan di antara kepuasan kerja berdasarkan faktor pendorong dan penggerak dengan tahap kecerdasan emosi bagi konstruk intrapersonal dan interpersonal dalam kalangan anggota PDRM. Seramai 400 responden telah terlibat di dalam kajian ini. Instrumen yang digunapakai dalam kajian ini adalah Job Satisfaction Survey (1997) oleh Spector dan Inventori Kompetensi Emosi oleh Goleman (1998). Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kepuasan kerja dengan kecerdasan emosi sementara dimensi rakan sekerja faktor penggerak pula dikenal pasti sebagai penyumbang utama terhadap kecerdasan emosi responden.

Tagoe dan Quarshie (2016) telah menjalankan kajian bagi mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi dan kepuasan kerja di kalangan jururawat di

Accra, Ghana. The Schutte Self-Report Intelligence Emotional Inventory oleh Schutte et al. (1998) dan Job Satisfaction Survey oleh Spector (1997) merupakan dua alat ujian yang terlibat dalam kajian ini. Pengkaji menguji hipotesis kajian dengan menggunakan kaedah Pearson Product-Moment Correlation dan Ujian T. Responden yang terlibat adalah seramai 120 jururawat (83 perempuan dan 37 lelaki) yang berkhidmat di tiga buah hospital umum yang terletak di Accra, Ghana. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja di kalangan jururawat. Selain itu, kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan jantina antara kecerdasan emosi dan kepuasan kerja.

Wolfe dan Kim (2013) telah melihat hubungan di antara kecerdasan emosi dan kepuasan kerja serta hubungan di antara kecerdasan emosi dengan tempoh berkhidmat di kalangan Pengurus Hotel di Midwest, Amerika Syarikat. Penyelidik telah menggunakan instrumen The Emotional Quotient Inventory (EQ-i) oleh Bar-On (1997) dan Job Satisfaction Survey oleh Spector (1985). Seramai 76 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa kecerdasan emosi berhubung secara positif dengan kepuasan kerja dan tempoh berkhidmat. Kajian ini juga menunjukkan bahawa dimensi interpersonal EQ-i adalah pemacu utama di kalangan pengurus hotel tetap kekal berkhidmat dalam industri perhotelan dalam tempoh yang agak lama. Sementara itu, faktor EQ-i yang lain seperti kemahiran intrapersonal, pengurusan tekanan dan berfikiran positif turut berhubung secara positif bagi pengurus hotel.

Brunetto et al. (2012) pula telah menggunakan 193 orang pegawai polis di Australia sebagai responden. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh kecerdasan emosi, kesejahteraan dan

penglibatan terhadap komitmen organisasi serta niat berhenti kerja. Penyelidik telah menggunakan instrumen Wong and Law Emotional Intelligence Scale (WLEIS) yang mengandungi empat dimensi iaitu penilaian emosi sendiri, penilaian emosi orang lain, pengawalan emosi dan penggunaan emosi. Instrumen lain terdiri daripada Job Satisfaction Survey oleh Johlke dan Duhan (2000), Organizational Commitment Questionnaire oleh Allen dan Meyer (1990), The Utrecht Work Engagement Scale oleh Schaufeli dan Bakker (2003) dan Well Being Scale (four-item) oleh Brunetto et al. (2011). Analisis data menunjukkan kecerdasan emosi berhubung secara positif dengan kepuasan kerja dan mencatat hubungan yang signifikan. Kecerdasan emosi pula peramal kepada persepsi tentang kesejahteraan dan kepuasan kerja yang melibatkan komitmen afektif. Akan tetapi kecerdasan emosi berhubung secara negatif dengan niat untuk berhenti kerja.

Mahbob dan Sulaiman (2015) telah menjalankan kajian di kalangan kakitangan pelaksana sukan di sekitar Lembah Klang berkenaan kepentingan kecerdasan emosi dalam komunikasi keorganisasian dan pengaruhnya terhadap kepuasan kerja. Seramai 190 set borang soal selidik telah diedarkan kepada lima organisasi sukan yang terlibat dan hanya 148 set soal selidik yang lengkap diisi dan dianalisis. Analisis min ke atas kelima-lima dimensi kecerdasan emosi kakitangan pelaksana sukan mendapati berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang tinggi dan signifikan antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja.

Trivellasa, Gerogiannis dan Svarna (2013) telah menjalankan kajian berkenaan pengaruh kecerdasan emosi terhadap kepuasan kerja dan niat untuk meninggalkan organisasi di kalangan jururawat di hospital umum swasta di Greece. Soal selidik yang terlibat adalah

Wong and Law Emotional Intelligence Scales (WLEIS) bagi kecerdasan emosi, Melia dan Peiro (1989) bagi kepuasan kerja dan soal selidik oleh Kim et al. (1996) bagi mengukur niat untuk meninggalkan organisasi. Kajian ini telah dijalankan di lima buah hospital umum swasta di kawasan Thessaly, Greece. Sebanyak 266 soal selidik telah diedarkan dan 145 soal selidik yang sah telah dikembalikan. Hasil kajian mendapati hanya dimensi Penilaian Emosi Sendiri dan Penggunaan Emosi sahaja yang mempunyai pengaruh positif yang signifikan terhadap kepuasan kerja. Sementara itu, dimensi Penilaian Emosi Orang Lain dan Pengawalan Emosi gagal untuk mengesahkan sebarang hubungan dengan kepuasan kerja dan niat untuk meninggalkan organisasi.

Nahid Naderi (2011) mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi, kepuasan kerja dan komitmen organisasi di kalangan guru Bahasa Inggeris sekolah tinggi di Iran. Seramai 84 orang responden yang terdiri daripada 29 guru lelaki dan 55 guru perempuan telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen yang terlibat adalah Emotional Intelligence Test (SREIT) oleh Schutte et al. (1998), Organizational Commitment Questionnaire (OCQ) oleh Meyer dan Allen (1997) dan Job Satisfaction Survey oleh Spector (1985). Hasil keputusan menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja. Kajian ini turut menyatakan bahawa tahap kecerdasan emosi yang tinggi dikaitkan dengan tahap kepuasan kerja yang tinggi.

Sumiyati, Hadi dan Khoirul (2018) telah mengkaji pengaruh budaya organisasi, lingkungan kerja dan kecerdasan emosi terhadap kepuasan kerja dalam kalangan guru SMAN 1 Manggelewa, Kabupaten Dompu di Provinsi Nusa Tenggara Barat, Indonesia. Seramai 47 orang responden dipilih sebagai subjek kajian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa variabel kecerdasan emosi yang terdiri daripada kesedaran diri,

pengetahuan diri, motivasi diri, empati dan keterampilan sosial berhubung secara positif dan signifikan terhadap kepuasan kerja guru.

Mahri, Widjajanta dan Sumiyati (2018) mengkaji pengaruh kecerdasan emosi dan kepuasan kerja terhadap tingkah laku kewargaan organisasi di kalangan pekerja di Badan Kepegawaian Daerah Provinsi Jawa Barat. Seramai 103 responden dipilih dengan menggunakan kaedah probability sampling. Hasil dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang positif di antara kecerdasan emosi dan kepuasan kerja terhadap tingkah laku kewargaan organisasi.

Ghoreishi et al. (2014) dari Iran telah menjalankan kajian untuk menentukan tahap kepuasan kerja dan kecerdasan emosi kakitangan Hospital Kashaan pada tahun 2011. Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 121 orang yang terdiri daripada 90 lelaki dan 31 perempuan yang berkhidmat di hospital tersebut. Kajian ini mencatatkan tiada hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan kepuasan kerja.

Mahdani, Hafasnuddin dan Adam (2017) dari Indonesia telah mengkaji pengaruh motivasi, kecerdasan emosi dan keadilan organisasi terhadap kepuasan kerja serta implikasi pada prestasi pekerja di Bank Rakyat Indonesia di Banda Aceh. Seramai 103 responden telah terlibat di dalam kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kecerdasan emosi mempunyai pengaruh signifikan terhadap pengantaraan kepuasan kerja dan juga terdapat pengaruh terhadap prestasi kerja.

Kaedah Kajian

Reka bentuk kajian adalah kaedah yang digunakan secara terperinci mengenai perjalanan sesuatu kajian dijalankan. Menurut Bryman (2008), reka bentuk kajian adalah kerangka yang digunakan oleh sesebuah kajian bagi mengutip dan

menganalisis data. Sementara itu, Creswell (2009) berpendapat, reka bentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metod kajian. Dalam kajian ini, kaedah tinjauan melalui soal selidik digunakan untuk mengumpul data dengan menggunakan Google Form berinternet untuk mengkaji Penjawat awam Perkhidmatan Awam Malaysia (Gunasama). Pengkaji memilih kaedah ini kerana ia merupakan satu kaedah penyelidikan bukan eksperimen yang memberi banyak manfaat termasuklah pengumpulan data yang lebih bersih dan tepat, akses kepada responden yang lebih meluas, menjimatkan kos penyelidikan, meningkatkan privasi responden dan turut memaksimumkan penggunaan masa dengan baik dalam proses pengumpulan data. Kajian yang telah dijalankan oleh Dias et al. (2015) mendapati dapatan yang diperolehi melalui kaedah format kertas dan pensil, dibandingkan dengan kaedah format dalam talian menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan yang sangat baik dan boleh diterima.

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah pengumpulan data dengan menghantar soal selidik melalui e-mel dengan menyertakan pautan borang soal selidik dalam bentuk Google Form. Selain itu, pautan borang soal selidik turut dihantar dengan menggunakan aplikasi Whatsapp, Facebook dan Telegram. Pengkaji memilih alat ujian Job Satisfaction Survey (JSS), Wong and Law Emotional Intelligence Scale (WLEIS). Secara ringkasnya, pengkaji ingin melihat pengaruh di antara kecerdasan emosi dan motivasi pencapaian terhadap kepuasan kerja Penjawat awam Perkhidmatan Awam. Maklumat-maklumat berkaitan kepuasan kerja, kecerdasan emosi dan motivasi pencapaian yang diperolehi daripada kajian-kajian lepas, artikel dan dokumen juga digunakan sebagai rujukan pengkaji. Maklumat-maklumat ini juga merupakan

data sekunder bagi mendapatkan data dan perincian dengan lebih tepat berkaitan pembolehubah yang dikaji.

Pengkaji menggunakan kaedah persampelan bukan kebarangkalian dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan (purposive sampling). Persampelan bertujuan digunakan bagi mengumpul maklumat daripada sampel yang khusus dan spesifik serta bertepatan dengan objektif kajian dan merujuk kepada sesuatu perwakilan formal. Sampel memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dalam kajian dan turut tergolong dalam populasi kajian serta dipilih berdasarkan pengetahuan dan pengalaman. Memandangkan kajian ini hanya melibatkan responden yang terdiri daripada Penjawat awam (Gunasama), maka kaedah persampelan ini dipilih kerana ia dipercayai mampu memenuhi objektif penyelidikan. Menurut Patton (2002), melalui kaedah persampelan bertujuan, pengkaji memilih responden berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Jadual 4.13

Hubungan Korelasi di antara Kecerdasan Emosi dengan Kepuasan Kerja

| Konstruk | Kepuasan Kerja |
|------------------|----------------|
| Kecerdasan Emosi | .303** |

** Signifikan pada aras $k < 0.01$

Hasil Kajian dan Perbincangan

Hubungan di antara kecerdasan emosi dan kepuasan kerja

Hipotesis ini bertujuan untuk menguji sama ada terdapat hubungan di antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja. Hasil analisis korelasi *Pearson* yang dipaparkan di Jadual 4.13 telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja. Secara statistiknya, kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang positif iaitu, $r =$

$0.303, k < 0.01$, dengan kepuasan kerja. Keputusan ini membuktikan hipotesis yang menguji hubungan di antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja dalam kalangan Penjawat awam dan Penjawat awam diterima.

Dapatan analisis kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan ($k < 0.01$) dan positif antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja. Hasil kajian ini adalah selari dengan penemuan kajian-kajian lalu (Ali & Hamza 2019; Brunetto et al. 2012; Erny, Haslinda & Zatul 2017; Koronios et al. 2019; Lee 2017; Liu 2018; Li et al. 2018; Mahbob & Ibrahim 2017; Mahri, Widjajanta & Sumiyati 2018; Nahid Naderi 2011; Naz, Nisar & Rafiq 2019; Sabri et al. 2017; Sumarni, Hadi & Khoirul 2018; Tagoe & Quarshie 2016; Trivellas, Gerogiannis & Svarna 2013; Wolfe & Kim 2013). Namun begitu, hasil kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Ghoreishi et al. (2014) yang menyatakan kecerdasan emosi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepuasan kerja.

Antara faktor yang menyumbang kepada hubungan yang signifikan dan positif antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja adalah disebabkan oleh faktor pekerjaan itu sendiri yang mewujudkan perasaan bahagia dan gembira terhadap pekerjaan sendiri. Menurut Judge et al. (1995), keputusan yang positif terhadap kejayaan sesuatu kerjaya atau pencapaian adalah berkait rapat dengan kehidupan dunia pekerjaan. Seibert, Kraimer dan Liden (2001) pula menyatakan kejayaan sesuatu kerjaya menambat hati pekerjanya adalah dengan suasana kerja yang positif di tempat kerja adalah disebabkan oleh perkongsian pengalaman kerja di antara satu sama lain. Dapatan ini adalah amat penting bagi menentukan kejayaan seseorang penjawat awam kerana dengan wujudnya kecerdasan emosi yang baik dan stabil, maka kepuasan kerja juga dapat dipertingkatkan.

Kesedaran terhadap kecerdasan emosi yang tinggi merupakan faktor lain yang membawa kepada hubungan signifikan dan positif antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja. Sementara itu, dapatan kajian ini menyokong penemuan Wong dan Law (2002) yang menyatakan pekerja yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi turut mempunyai kepuasan kerja yang tinggi. Daripada data yang diperolehi, PPSi yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi lebih mahir membuat penilaian emosi sendiri ($\bar{x}=25.05$) dan pengawalan emosi ($\bar{x}=24.60$) iaitu dua dimensi yang tertinggi dalam kajian ini. Data yang diperolehi daripada kajian ini juga mendedahkan bahawa kecerdasan emosi berhubungan dengan kepuasan kerja secara sederhana dan positif. Kajian oleh Bar-On (1997) dan Abraham (2000), turut mendapati hubungan antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja adalah berada pada tahap sederhana. Selain itu, sesuai dengan kerjaya sebagai seorang Penjawat awam, mereka terlibat dalam pekerjaan yang mementingkan hubungan sosial dan interaksi antara manusia yang memerlukan kecerdasan emosi yang tinggi. Oleh itu, kecerdasan emosi adalah faktor yang membolehkan pekerja merasa bahagia dengan kerja mereka. Pekerja yang menyedari emosi mereka sendiri dan orang lain, serta boleh mengurus dan menggunakan emosi lebih merasa puas dengan kerja mereka. Oleh yang demikian, keadaan ini menggambarkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja di kalangan penjawat awam.

Faktor yang mendorong kepada hubungan yang signifikan dan positif antara penggunaan emosi dengan kepuasan kerja adalah disebabkan oleh keupayaan dan kemampuan penjawat awam itu sendiri untuk menggunakan emosi mereka dengan berkesan bagi menetapkan matlamat dan seterusnya menjadikan mereka kompeten dan menunjukkan potensi diri yang lebih baik. Keadaan ini kemudiannya

menyumbang kepada perasaan lebih puas terhadap pekerjaan mereka.

Menurut Wong dan Law (2002), penggunaan emosi merujuk kepada keupayaan individu untuk menggunakan dan mengarahkan emosi mereka ke arah aktiviti yang lebih konstruktif dan pada masa yang sama menunjukkan prestasi peribadi masing-masing. Selain itu, pekerja yang berjaya menilai dan mengekspresikan emosi mereka, berada dalam kedudukan yang mudah untuk diterima dan difahami dengan lebih baik oleh rakan-rakan sekerja mereka. Lantaran itu, individu itu sendiri mempunyai keupayaan untuk mengembangkan diri mereka dan seterusnya menguruskan laluan kerjaya mereka (Trivellas, Gerogiannis dan Svarna 2013). Sementara itu, penjawat awam dalam perkhidmatan awam dilihat sebagai *icon* dan *role model* dalam sesebuah kementerian, jabatan mahupun agensi. Peranan sebagai seorang kaunselor juga turut memainkan peranan yang penting bagi mereka untuk menggunakan emosi mereka semaksimum dan sebaik mungkin. Pengurusan tertinggi JPA pula melihat peranan Penjawat awam lebih kepada fokus terhadap mencapai kesejahteraan optimum dalam kehidupan insan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan adalah mengkaji pengaruh kecerdasan emosi terhadap kepuasan kerja penjawat awam perkhidmatan awam. Kajian ini telah dijalankan di kementerian, jabatan dan agensi yang mempunyai perjawatan penjawat awam di seluruh Malaysia bagi melihat sejauh mana pengaruh di antara pemboleh ubah bebas iaitu kecerdasan emosi, dan pemboleh ubah terikat iaitu kepuasan kerja. Dapatan yang diperolehi oleh pengkaji dalam kajian ini merupakan satu sumbangan pengkaji terhadap organisasi yang terlibat.

RUJUKAN

- Aamodt, M. G. 2016. *Industrial/Organizational Psychologist: An Applied Approach* (8th Edition). Asia: Cengage Learning.
- Abdah Ishak, Mastura Mahfar & Halimah Yusof. 2018. Hubungan Antara Personaliti Big Five Dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Pekerja Sokongan di UTM, Kampus Johor. *Sains Humanika* 10 (3): 37-45.
- Abdullatif, N. 2016. Generational Diversity and Motivation in the Irish Workforce. Business & Management, Masters Thesis. Dublin Business School.
- Abraham, R. 2000. The role of job control as a moderator of emotional dissonance and emotional intelligence–outcome relationships. *The Journal of Psychology* 134 (2): 169-184.
- Agbionu, C. U. 2013. Reward Management and Employees Job Satisfaction and Performance in Nigeria: A Study of Anambra State Civil Service. A Thesis Submitted to the Department of Business Management, Faculty of Management Services, Ebonyi State University.
- Alajmi, H. 2016. Job Satisfaction Among Elementary Teachers In Saudi Arabia. PhD Thesis. Indiana State University.
- Ali, A., Bin, L.Z., Piang, H.J. & Ali, Z. 2016. The Impact of Motivation on the Employee Performance and Job Satisfaction in IT Park (Software House) Sector of Peshawar, Pakistan. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 2016* Vol. 6 (9) : 297-310.
- Ali, R.K. & Hamza, M.A. 2019. Interceding Effect Of Organizational Support Between Emotional Intelligence And Job Satisfaction: A Confirmation From Primary Public Schools Of Punjab. *Sarhad Journal of Management Sciences (SJMS)* Vol. 4 (2): 214-227.
- Anastasi, A. & Urbina, S. 1997. *Psychological testing* (7th ed.). Upper Saddle River, NJ, US: Prentice Hall/Pearson Education.
- Arifin, H.M. 2015. The Influence of Competence, Motivation, and Organisational Culture to High School Teacher Job Satisfaction and Performance. *International Education Studies* Vol. 8 (1): 38-45.
- Atkinson, J.W. & Feather, N.T. 1966. *A Theory Of Achievement Motivation*. New York: Wiley.
- Azmi, I.A.G. & Siren, N.R. 2018. Tahap Kepuasan Bekerja Guru-Guru Sekolah Menengah Agama Rakyat. *Akademika* 88 (2): 35-58.
